



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUTHARGA
NO : PSUKPP/18/2020**

TAJUK:

**PERKHIDMATAN PENGURUSAN LAMAN SOSIAL
FACEBOOK DAN INSTAGRAM I LOVE PENANG
(1 APRIL 2020 SEHINGGA 31 DISEMBER 2020)**

TARIKH TUTUP :

13 FEBRUARI 2020

URUSETIA :

**BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
TINGKAT 26, KOMTAR
10503 PULAU PINANG**



SENARAI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Senarai Kandungan	1
2	Kenyataan Tawaran Sebutharga	2
3	Senarai Semak	4
4	Arahan Kepada Penyebutharga	5
5	Syarat-syarat Am	8
6	LAMPIRAN A : Lampiran Q	14
7	LAMPIRAN B : Surat Akuan Penyebutharga	17
8	LAMPIRAN C : Spesifikasi Sebutharga	18
9	LAMPIRAN D : Jadual Harga Tawaran	20
10	LAMPIRAN E : Surat Akuan Pembida	21
11	LAMPIRAN F : Surat Akuan Pembida Berjaya	22
12	LAMPIRAN G : Keterangan Mengenai Penyebutharga	23
13	LAMPIRAN H : Kedudukan Kewangan Penyebutharga	26
14	LAMPIRAN I : Senarai Perkhidmatan/Perbekalan Yang Sedang Dan Telah Dilaksanakan	27



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

NO SEBUTHARGA : PSUKPP/18/2020

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkeelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang berikut:

**210103 – ICT (Information Communication Technology) / Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan dan Komponen / Computer Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance
ATAU**

210202 - ICT (Information Communication Technology) / Peralatan dan Kelengkapan Telekomunikasi / Sistem Perhubungan/ Telekomunikasi dalam bidang perkhidmatan yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai tawaran sebutharga berikut:-

PERKHIDMATAN PENGURUSAN LAMAN SOSIAL FACEBOOK DAN INSTAGRAM I LOVE PENANG (1 APRIL 2020 SEHINGGA 31 DISEMBER 2020)

2. Penyebutharga dikehendaki mendaftar dengan e-Perolehan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Hanya Penyebutharga tempatan yang berdaftar boleh memuat turun Dokumen Sebutharga melalui laman web tersebut. Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga RM20.00 secara online dan dimuat turun melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (<http://ep.penang.gov.my>) mulai 10 Februari (Isnin).
3. Dokumen Sebutharga yang lengkap diisi mestilah diserahkan bersama-sama maklumat-maklumat yang dikehendaki dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, bertulis tajuk dan no. sebutharga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen lengkap tersebut hendaklah dikemukakan ke Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 26, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10000 Pulau Pinang **sebelum jam 12.00 tengahari, pada atau sebelum 13 Februari 2020 (Khamis).**



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

4. Tawaran yang dikemukakan selepas daripada masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Kerajaan Negeri berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab-sebab di atas keputusan tersebut.
5. Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebutharga di atas adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga.
6. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

YB. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

SENARAI SEMAK

PERKHIDMATAN PENGURUSAN LAMAN SOSIAL FACEBOOK DAN INSTAGRAM I LOVE PENANG (1 APRIL 2020 SEHINGGA 31 DISEMBER 2020)

Sila Tandakan ☒ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>UNTUK DIISI OLEH</u>	
		<u>SYARIKAT</u>	<u>PEJABAT</u>
1	Lampiran Q (Lampiran A)		
2	Surat Akuan Penyebutbarga (Lampiran B)		
3	Spesifikasi Sebutharga (Lampiran C)		
4	Jadual Harga Tawaran (Lampiran D)		
5	Surat Akuan Pembida (Lampiran E)		
6	Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran F)		
7	Keterangan Mengenai Penyebutbarga (Lampiran G)		
8	Kedudukan Kewangan Penyebutbarga (Lampiran H)		
9	Senarai Perkhidmatan/Pembekalan Yang Sedang Dan Telah Dilaksanakan (Lampiran I) – <i>lampirkan surat lantikan daripada agensi berkenaan</i>		
10	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
11	Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia Berserta Maklumat Kod Bidang Berkaitan Yang Masih Sah Laku		
12	Salinan Borang 24 dan Borang 49 yang terkini		
13	Penyata Bank Untuk 3 Bulan Terakhir iaitu bulan November, Disember 2019 dan Januari 2020		
14	Salinan resit pembelian sysP		
15	Profil lengkap syarikat		
16	Lain-lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Cop Syarikat :	Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada). Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :



ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. Perihal Sebutharga

- 1.1 Pelawaan sebutharga ini bertujuan melantik syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk melaksanakan Perkhidmatan Pengurusan Laman Sosial Facebook Dan Instagram I Love Penang (1 April 2020 Sehingga 31 Disember 2020).
- 1.2 Sebutharga ini adalah tertakluk kepada Arahan Penyebutharga dan Syarat-syarat Am.

2. Dokumen Sebutharga

- 2.1 Sebutharga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang selepas ini dipanggil Dokumen Sebutharga yang boleh dimuat turun melalui Sistem ePerolehan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Dokumen Sebutharga yang lengkap mengandungi perkara berikut:-
 - i. Kenyataan Tawaran Sebutharga;
 - ii. Arahan Kepada Penyebutharga;
 - iii. Syarat-syarat Am Sebutharga;
 - iv. Lampiran Q (Lampiran A);
 - v. Surat Akuan Penyebutharga (Lampiran B);
 - vi. Spesifikasi Sebutharga (Lampiran C);
 - vii. Jadual Harga Tawaran (Lampiran D);
 - viii. Surat Akuan Penyebutharga (Lampiran E);
 - ix. Surat Akuan Penyebutharga Berjaya (Lampiran F);
 - x. Keterangan Mengenai Penyebutharga (Lampiran G);
 - xi. Kedudukan Kewangan Penyebutharga (Lampiran H); dan
 - xii. Senarai Perkhidmatan/Pembekalan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan (Lampiran I).
- 2.2 Dokumen Sebutharga adalah dijual dengan harga **RM20.00** satu set. Hanya dokumen yang asal sahaja akan diterima dan dipertimbangkan.
- 2.3 Penyebutharga hendaklah mengisi borang di Lampiran I dengan menyatakan pengalaman dalam bidang yang berkenaan.
- 2.4 Surat Akuan Penyebutharga (Lampiran B).

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

Surat Akuan Penyebutharga seperti di Lampiran B. Sekiranya lampiran ini tidak diisi dan ditandatangani, tawaran penyebutharga menjadi tidak sah dan tidak akan dipertimbangkan. Harga yang dicatatkan di dalam Surat Akuan Penyebutharga mestilah sama dengan harga di dalam Lampiran Q dan Jadual Harga Tawaran. Jika terdapat perbezaan harga di dalam Surat Akuan Penyebutharga tersebut, tawaran sebutharga tidak akan dipertimbangkan.

2.5 Jadual Harga Tawaran (Lampiran D)

Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat sebagai penyebutharga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop adalah tidak sah dan akan ditolak.

2.6 Surat Akuan Penyebutharga dan Surat Akuan Penyebutharga Berjaya (Lampiran E dan Lampiran F)

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani Surat Akuan Penyebutharga dan Surat Akuan Penyebutharga Berjaya seperti di Lampiran sebelum menghantar dokumen sebutharga. Wakil syarikat penyebutharga yang menandatangani kedua-dua surat tersebut hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

3. Pembetulan dan Pindaan Kesilapan

Dokumen Sebutharga hendaklah diisi secara bertaip atau tulisan tangan yang jelas. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Borang Sebutharga hendaklah ditandatangan ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat penyebutharga. Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dipinda. Pembetulan dan pindaan yang dibuat hendaklah jelas supaya mudah dibaca.

4. Penghantaran Dokumen Sebutharga

4.1 Penyebutharga adalah dikehendaki mengembalikan naskah asal Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa berserta dengan dokumen wajib seperti berikut:

- i. Lampiran Q (Lampiran A);
- ii. Surat Akuan Penyebutharga (Lampiran B);
- iii. Jadual Harga Tawaran (Lampiran D);
- iv. Surat Akuan Pembida (Lampiran E);
- v. Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran F);
- vi. Keterangan Mengenai Penyebutharga (Lampiran G);
- vii. Kedudukan Kewangan Penyebutharga (Lampiran H);
- viii. Senarai Perkhidmatan/Pembekalan Yang Sedang dan Telah



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

- Dilaksanakan (Lampiran I). Lampirkan surat lantikan daripada agensi berkenaan;
- ix. Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
 - x. Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia berserta maklumat Kod Bidang berkaitan yang masih sah laku;
 - xi. Salinan Borang 24 dan Borang 49 yang terkini;
 - xii. Penyata bank untuk 3 bulan November, Disember 2019 dan Januari 2020;
 - xiii. Salinan resit sysP; dan
 - xiv. Salinan Profil syarikat yang lengkap yang menunjukkan pengalaman, jumlah pekerja dan kepakaran berkaitan tawaran sebutharga.

- 4.2 Dokumen Sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditanda pada bahagian atas kiri sampul surat itu dengan butir-butir berikut:-

No. Sebutharga : PSUKPP/18/2020

Tajuk Sebutharga : Perkhidmatan Pengurusan Laman Sosial Facebook Dan Instagram I Love Penang (1 April 2020 Sehingga 31 Disember 2020).

- 4.3 Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar ke Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 26, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10000 Pulau Pinang sebelum **jam 12.00 tengah hari**, pada atau sebelum **13 Februari 2020 (Khamis)**.



SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

Penyebutharga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Sebutharga apabila menyertai sebutharga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga yang dikemukakan oleh penyebutharga ditolak.

1. Kelayakan Memasuki Sebutharga

- 1.1 Tawaran adalah dibuka kepada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **210103 – ICT (Information Communication Technology) / Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan dan Komponen / Computer Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance** ATAU **210202 - ICT (Information Communication Technology) / Peralatan dan Kelengkapan Telekomunikasi / Sistem Perhubungan/ Telekomunikasi**.
- 1.2 Hanya sebutharga-sebutharga yang dikemukakan oleh penyebutharga-penyebutharga yang membeli Dokumen Sebutharga sahaja akan diterima dan dipertimbangkan (berdasarkan rekod Sistem ePerolehan).
- 1.3 Pelawaan ini adalah terikat kepada Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Am Sebutharga yang disertakan bersama-sama Dokumen Sebutharga.
- 1.4 Penyebutharga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat tersebut apabila menyertai sebutharga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat akan menyebabkan sebutharga tidak dipertimbangkan.
- 1.5 Sebutharga hendaklah dibuat atas borang-borang sebutharga asal. Sebutharga tidak boleh dibuat atas borang-borang salinan. Semua borang berhubung dengan sebutharga hendaklah ditandatangani oleh wakil syarikat yang diberi kuasa penyebutharga. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan tiada cop rasmi penyebutharga akan ditolak.

2. Dokumen Sebutharga

- 2.1 Hanya Dokumen Sebutharga yang dimuat turun melalui Sistem ePerolehan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang sahaja akan diterima. Salinan borang tidak diterima kecuali sebagai dokumen sokongan kepada Dokumen Sebutharga.



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

- 2.2 Tiap-tiap helai borang yang digunakan (termasuk dokumen sokongan) mestilah ditandatangani di bahagian bawah penjuru kanan.
- 2.3 Penyebutharga hendaklah membaca semua arahan dan syarat di dalam Dokumen Sebutharga serta menyemak kandungannya dengan teliti. Dokumen Sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan yang disediakan.
- 2.4 Dokumen Sebutharga hendaklah diisi secara bertaip atau tulisan tangan yang jelas. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat mestilah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat penyebutharga setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

3. Harga Tawaran

- 3.1 Harga tawaran adalah termasuk semua kos yang dinyatakan oleh penyebutharga di dalam Jadual Harga Tawaran (Lampiran D). Harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebutharga ini ditutup.
- 3.2 Kerajaan Negeri berhak menyemak semula jumlah harga tawaran yang ditawarkan oleh penyebutharga. Sekiranya terdapat perbezaan kepada jumlah harga yang ditawarkan dengan maklumat semakan semula oleh Kerajaan Negeri, jumlah harga tawaran yang disemak semula oleh Kerajaan Negeri akan diguna pakai untuk tujuan sebutharga ini.

4. Spesifikasi Sebutharga

- 4.1 Penyebutharga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi sebutharga supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletakkan harga tawaran.
- 4.2 Spesifikasi berkaitan Perkhidmatan adalah seperti yang dinyatakan di Lampiran C.
- 4.3 Kerajaan Negeri berhak menyemak semula spesifikasi Perkhidmatan Pengurusan Laman Sosial Facebook dan Instagram I Love Penang sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan.

5. Peringatan Mengenai Rasuah

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah:

- 5.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 5.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal megikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

6. Pelaksanaan Integrity Pact

- 6.1 Kesemua penyebutharga yang menghantar dokumen sebutharga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran.
- 6.2 Penyebutharga yang berjaya menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima.

7. Tempoh Sah laku Sebutharga

Tempoh sahlaku sebutharga ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh sebutharga ditutup. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah laku sebutharga.



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

8. Setuju Terima Sebutharga

- 8.1 Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima tawaran terendah mana-mana sebutharga. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan Negeri tidak akan melayan sebarang surat rayuan daripada penyebutharga berhubung sebab-sebab sebutharga mereka tidak berjaya.
- 8.2 Penyebutharga yang berjaya mesti mematuhi perkara berikut:
- i. Tidak boleh menolak tawaran sebutharga. Sekiranya penyebutharga menolak tawaran sebutharga, maka nama penyebutharga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan menggantung pendaftaran; dan
 - ii. Menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian dan syarat-syarat sebutharga.

9. Perubahan Syarat-Syarat

- 9.1 Kerajaan Negeri boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan ke atas spesifikasi bagi perkhidmatan ini secara bertulis.
- 9.2 Perubahan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri mestilah dilaksanakan oleh penyebutharga dan tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau yang disahkan kemudian oleh Kerajaan Negeri boleh membatalkan sebutharga ini.
- 9.3 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan dasar ke atas spesifikasi sebutharga, maka dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

10. Penamatan Persetujuan

Kerajaan Negeri berhak membatalkan tawaran sebutharga sekiranya penyebutharga berada dalam keadaan berikut:-

- i. Melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam Dokumen Sebutharga ini;
- ii. Tidak mematuhi arahan dan syarat-syarat Kerajaan Negeri tanpa apa-apa alasan yang munasabah;
- iii. Penyebutharga itu sebagai orang perseorangan atau sebagai satu



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

firma atau mana-mana perkongsian firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang atau jika penyebutharga itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulangan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulangan; atau

- iv. Jika Kerajaan Negeri mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa penyebutharga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan penyebutharga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan balik gantirugi.

11. Pertikaian

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan Negeri dengan penyebutharga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah dikecualikan selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan Negeri dengan penyebutharga, dirujukan kepada penimbang tara dua pihak yang dilantik iaitu lantikan oleh Kerajaan Negeri dan lantikan oleh penyebutharga. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

12. Insurans

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam Dokumen Sebutharga.

13. Iklan

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

14. Denda Lewat

Potongan sebanyak 1% sehari (daripada keseluruhan harga perkhidmatan pada setiap bulan) akan dikenakan kepada penyebutharga yang berjaya sekiranya didapati terdapat kelewatan kerja-kerja pengurusan laman sosial



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

berkenaan tanpa sebab-sebab yang munasabah dan tanpa notis awal.

15. Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyebutharga perlu mematuhi Dasar Keselamatan ICT Negeri Pulau Pinang.

BARANG-BARANG EX-STOCK ATAU KELUARAN MALAYSIA

1. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

2. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan, atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang (jika berkenaan) hendaklah ditunjukkan.

3. PEMBUNGKUSAN

- 3.1. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- 3.2. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

(Kew. 284-Pin. 5/ 94)

LAMPIRAN A

LAMPIRAN Q

KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI PULAU PINANG

TAJUK:
PERKHIDMATAN PENGURUSAN LAMAN SOSIAL FACEBOOK
DAN INSTAGRAM I LOVE PENANG (1 APRIL 2020 SEHINGGA 31
DISEMBER 2020)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini:

TAJUK	BEKALAN BARANG-BARANG/ PERKHIDMATAN	
PERKHIDMATAN PENGURUSAN LAMAN SOSIAL FACEBOOK DAN INSTAGRAM I LOVE PENANG (1 APRIL 2020 SEHINGGA 31 DISEMBER 2020)	No. <u>Sebut Harga</u> Tender	PSUKPP/18/2020
Nama Syarikat No. Telefon: No. Pendaftaran Kementerian Kewangan: Kod Bidang Pendaftaran bekalan/ perkhidmatan ini: 210103 ATAU 210202	Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh : BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI TINGKAT 26, KOMTAR, 10000 PULAU PINANG No. Telefon: 04-650 5192 Tarikh: 10 Februari 2020	

1. Sila beri sebutharga untuk perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan :-

1.1 Syarat-syarat serahan/penyempurnaan :-

- (i) Tawaran adalah dibuka kepada syarikat-syarikat berkeelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang :

210103 – ICT (Information Communication Technology) / Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan dan Komponen / Computer Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance;

ATAU

210202 - ICT (Information Communication Technology) / Peralatan dan Kelengkapan Telekomunikasi / Sistem Perhubungan/ Telekomunikasi.



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

- (ii) Dokumen Sebutharga boleh diperolehi daripada sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di portal <http://ep.penang.gov.my> dengan mengklik butang 'BELI' di portal tersebut dengan harga **RM20.00**. Dokumen Sebutharga hanya boleh dimuat turun oleh syarikat/kontraktor yang telah berdaftar dengan sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja.

1.2 Tarikh akhir serahan / disempurnakan : **Sebelum jam 12.00 tengahari, 13 Februari 2020 (Khamis).**

1.3 Arahan Pengiriman :

Dokumen Sebutharga yang lengkap dengan senarai semak dan dokumen wajib hendaklah dilakri dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditulis di bahagian atas kirinya dengan no. sebutharga dan tarikh serahan. Sampul surat mengandungi dokumen sebutharga hendaklah **dihantar dengan tangan ke Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang, Tingkat 26, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang tidak lewat daripada tarikh akhir serahan yang dinyatakan.** Penghantaran melalui Pos tidak dibenarkan sama sekali.

1.4 Tempoh sah laku Sebutharga ialah 90 hari selepas tarikh tutup.

1.5 Sebut harga yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

1.6 Hanya pembekal yang berjaya akan dihubungi oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN).

Tandatangan :
Nama Pegawai :
Tarikh : Jawatan :



PERKHIDMATAN PENGURUSAN LAMAN SOSIAL FACEBOOK DAN INSTAGRAM I LOVE PENANG (1 APRIL 2020 HINGGA 31 DISEMBER 2020)		PERLU DIISI OLEH PENYEBUTHARGA
BIL	PERIHAL PERKHIDMATAN	HARGA (RM)
1	a) Mengendalikan akaun Instagram I Love Penang Official (@i.love.penang) dan akaun Facebook (www.facebook.com/ilovepenangofficial/); b) Memuatnaik gambar/ video dalam Instagram I Love Penang Official dan laman Facebook mengikut kategori yang ditetapkan; c) Memuatnaik status harian mengikut tema cadangan; d) Mempromosikan kempen <i>hashtags</i> I Love Penang (cth: #ILovePenang & #UntukNegeriKita); e) Menganjurkan peraduan/ kempen atas talian bagi mempromosi dan meningkatkan lagi pengikut FB dan IG I Love Penang; f) Menyasarkan pertambahan pengguna/ pengikut FB ILP : 35,000 <i>followers</i> atau lebih; g) Menyasarkan pertambahan pengguna/ pengikut IG ILP : 40,000 <i>followers</i> atau lebih; h) Bertanggungjawab terhadap komen-komen yang dikemukakan; i) Menerima arahan penambahbaikan daripada Bahagian Penerangan, Pejabat Ketua Menteri; j) Menyediakan analisa/ laporan bulanan mengenai status akaun media sosial; dan k) Lain-lain perkara yang melibatkan mengemaskini dan memuatnaik status sebagaimana yang dinyatakan dalam sebutharga. Rujuk Lampiran C.	



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

Mustahak :-

- i. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- ii. Sila rujuk Syarat-Syarat Am Sebutharga dan Spesifikasi Sebutharga;

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan, tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan Syarat Am serta Skop Perolehan Perkhidmatan yang dilampirkan.

Tandatangan Penyebutharga :

Nama :

No. K/P :

Alamat Syarikat :

Cop Syarikat :

Tarikh :



SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 26, KOMTAR,
10000 PULAU PINANG.

Tuan,

**SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN LAMAN SOSIAL
FACEBOOK DAN INSTAGRAM I LOVE PENANG (1 APRIL 2020 HINGGA 31
DISEMBER 2020)**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa saya/kami,
_____, (nama syarikat)
mengambil bahagian dalam sebutharga seperti di atas. Harga yang ditawarkan oleh
pihak saya/ kami adalah seperti berikut:

Ringgit Malaysia :

(RM)

2. Saya/kami dengan ini bersetuju menerima dan mematuhi serta terikat dengan syarat-syarat sebutharga, dan spesifikasi sebutharga yang terkandung dalam Dokumen Sebutharga. Saya/kami juga telah memahami bahawa Kerajaan Negeri berhak menerima atau menolak sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.

3. Saya/kami bersetuju bahawa harga sebutharga yang ditawarkan ini sah selama 90 hari daripada tarikh tutup sebutharga. Dalam tempoh tersebut saya/kami tidak boleh menarik diri daripada sebutharga ini dan meminda harga.

4. Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa Dokumen Sebutharga yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

(Tandatangan penyebutharga yang diberi kuasa)

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Cop Syarikat :



LAMPIRAN C

**SPESIFIKASI KERJA BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN
PENGENDALIAN AKAUN MEDIA SOSIAL FACEBOOK DAN INSTAGRAM I LOVE
PENANG**

Pengurusan media sosial *Facebook* dan *Instagram* "I Love Penang" yang dikendalikan oleh Pembekal secara umum adalah seperti berikut:

- a) Mengendalikan akaun Instagram I Love Penang Official (@i.love.penang) dan akaun Facebook (www.facebook.com/ilovepenangofficial/);
- b) Memuatnaik gambar/ video dalam Instagram I Love Penang Official dan laman Facebook mengikut kategori:
 - Tema berkaitan I Love Penang
 - Makanan Penang
 - Kebudayaan dan Gaya Hidup
 - Program-program terkini
 - Lokasi tumpuan pelancong
 - *Street Photography*
 - Gambar menarik sekitar Penang
- c) Pecahan jadual status yang dimuatnaik harian mengikut tema cadangan seperti di atas adalah seperti berikut:

Hari	Hashtags (#)	Perkara
Isnin	#PenangFunFact	Untuk menerangkan info/ fakta mengenai perkara-perkara menarik Pulau Pinang seperti ketinggian Komtar, kepanjangan jambatan Penang, populasi dan sebagainya.
Selasa	#PenangFoods	Untuk menerangkan lokasi dan makanan terkenal di Penang.
Rabu	#PenangPlaces	Untuk menerangkan mengenai sejarah dan tempat menarik di Penang.
Khamis	#Penang Achievements	Untuk menerangkan mengenai pencapaian dan pembangunan negeri.
Jumaat	#PenangEvents	Untuk menerangkan aktiviti yang akan datang.
Sabtu	#PenangView	Untuk memperlihatkan pemandangan



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

Hari	Hashtags (#)	Perkara
		indah Penang.
Ahad	#FeaturedSunday	Untuk mengongsikan gambar/ video yang menarik mengenai Penang oleh yang dimuatnaik oleh pengguna Facebook dan Instagram.

- d) Mempromosikan kempen *hashtags* I Love Penang (cth: #ILovePenang & #UntukNegeriKita);
- e) Menganjurkan peraduan/ kempen atas talian bagi mempromosi dan meningkatkan lagi pengikut FB dan IG I Love Penang;
- f) Menyasarkan pertambahan pengguna/ pengikut FB ILP : 35,000 *followers* atau lebih;
- g) Menyasarkan pertambahan pengguna/ pengikut IG ILP : 40,000 *followers* atau lebih;
- h) Bertanggungjawab terhadap komen-komen yang dikemukakan;
- i) Menerima arahan penambahbaikan daripada Bahagian Penerangan, Pejabat Ketua Menteri;
- j) Menyediakan analisa/ laporan bulanan; dan
- k) Lain-lain perkara yang melibatkan mengemaskini dan memuatnaik status sebagaimana yang dinyatakan dalam sebutharga dan diarahkan oleh Bahagian Penerangan, Pejabat Ketua Menteri;



JADUAL HARGA TAWARAN

Harga tawaran kami adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA	HARGA TAWARAN KESELURUHAN
1	Perkhidmatan Pengurusan Laman Sosial Facebook dan Instagram I Love Penang Bagi Tempoh 1 April 2020 Hingga 31 Disember 2020	

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Cop Rasmi Syarikat : _____

Tarikh : _____



LAMPIRAN E
(SAP bertarikh 01 April 2010)

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA
BAGI
PERKHIDMATAN PENGURUSAN LAMAN SOSIAL FACEBOOK DAN
INSTAGRAM I LOVE PENANG (1 APRIL 2020 HINGGA 31 DISEMBER 2020)
PSUKPP/

1. Saya,.....,
Nombor K.P....., yang mewakili

.....,
Nombor Pendaftaran dengan ini mengistiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Bahagian
Perancang Ekonomi Negeri atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk
dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat
Perwakilan Kuasa bagi saya mewakilkan syarikat seperti tercatat di atas untuk
membuat pengistiharaan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu
dalam Bahagian Perancang Ekonomi Negeri atau mana-mana individu lain sebagai
sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil
syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan
Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada
saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan
untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan
segera melaporkan perbuat tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan
Rasuah Malaysia (SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

Nama :

No. K.P. :

Cop Syarikat :



LAMPIRAN F
(SAP bertarikh 01 April 2010)

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA BERJAYA
BAGI
PERKHIDMATAN PENGURUSAN LAMAN SOSIAL FACEBOOK DAN
INSTAGRAM I LOVE PENANG (1 APRIL 2020 HINGGA 31 DISEMBER 2020)
PSUKPP/

1. Saya,.....,
Nombor K.P....., yang mewakili

.....,
Nombor Pendaftaran dengan ini mengistiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Bahagian
Perancang Ekonomi Negeri atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran
sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa
bagi saya mewakilkan syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat
pengistiharaan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri atau mana-mana individu lain sebagai
ganjaran sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju
tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran
sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia
(SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

Nama :

No. K.P. :

Cop Syarikat :



KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA

1. Nama Penyebutharga : _____
(Syarikat)

2. Alamat Penyebutharga

2.1 Ibu Pejabat : _____

2.2 Cawangan : _____

3. No. Telefon Penyebutharga

3.1 Ibu Pejabat : _____

3.2 Cawangan : _____

4. Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

4.1 Tempoh Pendaftaran (Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran)

Mulai : _____

Hingga : _____

5. Pendaftaran Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

5.1 Tempoh Pendaftaran (Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran)

Mulai : _____

Hingga : _____



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

5.2 Taraf Penyebutharga : Bumiputera / Bukan Bumiputera

6. Modal Berbayar Syarikat: (Isi mana yang berkenaan)

6.1 Perseorangan/Perkongsian : RM _____

6.2 Sendirian Berhad/Berhad :

a. Modal Dibenar : RM _____

b. Modal Dibayar : RM _____

7. Butiran Pemilikan (Ownership)

7.1 Perseorangan :

Nama Pemilik : _____ No. K/P : _____

7.2 Perkongsian

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	Peratus Perkongsian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

7.3 Sendirian Berhad/Berhad

Nama Pemegang Saham	No. Kad Pengenalan	Peratus Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)



No Sebutharga : PSUKPP/18/2020

7.4 Ahli Lembaga Pengarah

Nama	No. Kad Pengenalan

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

8. Komposisi Pekerja

	Kumpulan	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
a.	Pengurusan			
b.	Eksekutif			
c.	Operasi			

Pengakuan : (Ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa dan bertanggungjawab dalam urusan sebutharga ini)

Dengan ini saya mengaku dan mengesahkan bahawa segala butir-butir dan maklumat di atas adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Cop Penyebutharga
(Syarikat) : _____

Tarikh : _____



LAMPIRAN H

KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA

1. Ringkasan Aset dan Liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam laporan audit terkini (Syarikat Sdn Bhd) atau Borang BE LHDN Terkini (Syarikat Enterprise).

Aset (RM)	Liabiliti (RM)
Tetap :	Jangka Panjang :
Semasa :	Semasa :

2. Maklumat Bank

Bil	Nama Bank	Alamat	No. Akaun

3. Kemudahan Kredit (jika ada)

Sila sertakan dokumen sokongan yang DISAHKAN (dokumen tanpa pengesahan tidak diterima dan akan ditolak)

Bil	Bentuk Kemudahan	Nilai (RM)
1	Overdraf atau talian kredit (Baki)	
2	Overdraf bercagar (Baki)	
3	Pinjaman tetap yang akan/ layak diperolehi untuk projek	
4	Kemudahan-kemudahan lain	
	JUMLAH	

Tandatangan : _____

Alamat/ Cop : _____

Tarikh : _____



LAMPIRAN I

SENARAI PERKHIDMATAN/PERBEKALAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN

Bil.	Nama Projek/Perkhidmatan	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Agensi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Nama/No. Telefon Pegawai Jabatan Yang Bertanggungjawab
				Mula	Tamat	

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Cop Rasmi Syarikat : _____